

Untuk Siaran Segera

**Pembelajaran Alam Sekitar di Sekolah Kanak-kanak Panasonic –
Pertandingan Diari Gambar Eko Peringkat Kebangsaan 2011**

**Juara Jatuh kepada
Muhammad Wafie Bin Sarbini, pelajar sekolah rendah dari
Sekolah Kebangsaan Taman Sri Andalas Klang**

Kuala Lumpur, 2 November 2011 – Dua puluh satu Diari Gambar Eko, 11 dari sekolah rendah dan 10 dari sekolah menengah memenangi anugerah dalam Pertandingan Diari Gambar Eko Peringkat Kebangsaan 2011 sempena program Pembelajaran Alam Sekitar Kanak-kanak Panasonic. Sejumlah 500 penyertaan Diari Gambar Eko diterima daripada kedua-dua kategori di dalam projek perintis melibatkan 10 buah sekolah di Selangor dan 21 terpilih ke peringkat akhir.

Diari-diari ini dinilai oleh panel hakim yang arif dalam bidang seni dan pendidikan untuk menentukan pemenang Anugerah Utama untuk kedua-dua kategori sekolah rendah dan sekolah menengah dan juara pertandingan dari kedua-dua kategori akan mewakili Malaysia ke Pertandingan Diari Gambar Eko peringkat dunia di Paris pada bulan February 2012.

Juara Pertandingan Diari Gambar Eko Peringkat Kebangsaan 2011 ialah **Muhammad Wafie Bin Sarbini**, seorang pelajar berusia 11 tahun dari Sekolah Kebangsaan Taman Sri Andalas Klang.

Beliau menulis tentang pengalaman 5-harinya dari persiapan untuk berbuka puasa di bulan Ramadan ke sambutan Hari Raya yang meriah. Beliau berkongsi fikiran dan pemerhatian tentang penggunaan beg plastik yang banyak, mengelakkan penggunaan bekas polisterin untuk mengisi makanan, menggalakkan perkongsian kereta untuk mengurangkan pelepasan karbon dioksida, membersihkan penghawa dingin untuk penjimatan tenaga yang lebih baik, menyediakan kad ucapan Hari Raya daripada kotak

kertas kitar semula sehinggalah ke penanaman pokok untuk membantu memelihara alam sekitar.

Pertandingan ini, yang bermula pada 15 Ogos 2011, berlangsung selama sebulan, dan para pelajar harus menggambarkan dan menyatakan secara bertulis dan lukisan aktiviti-aktiviti mesra alam yang dilakukan di sekolah mahupun di rumah yang berkaitan dengan melindungi dan menyelamatkan alam sekitar di dalam “Diari Gambar Eko” khas.

“Ini adalah peluang yang baik untuk kanak-kanak dan ahli keluarga, termasuk pihak sekolah untuk melibatkan diri dalam pertandingan diari yang bertujuan untuk mengajar kanak-kanak dari usia muda tentang kepentingan menjaga dan melindungi alam sekitar,” komen Azizah Wahid, Pengurus Besar Komunikasi Korporat dan Penjenamaan Panasonic Malaysia.

Pelajar bekerja secara individu untuk menyiapkan diari mereka. Mereka menyiapkan Diari Gambar Eko 5-hari mengandungi ilustrasi, lukisan atau catatan tentang aktiviti mesra alam, pengalaman atau pembelajaran mereka.

Belajar mengenai pemanasan global di sekolah, menyedari tentang penggunaan beg guna semula (eco bags) di pasar raya atau memerhatikan pokok dan bunga yang sihat di taman berdekatan adalah antara perkara yang ditulis dan dilukis oleh para pelajar.

Pelajar juga digalakkan untuk mengambil bahagian dalam aktiviti yang boleh membantu alam sekitar dan menulis tentangnya di dalam diari. Contoh-contoh aktiviti termasuk membantu kitar semula di rumah, menanam pokok di sekolah atau pemerhatian tentang perkara yang baik atau buruk untuk alam sekitar.

Panasonic percaya, mengajar tentang nilai-nilai murni berkaitan alam sekitar yang sihat di usia muda akan membantu membangunkan pemahaman yang lebih baik tentang keperluan melindungi dunia kita.

Dengan kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia, Pembelajaran Alam Sekitar Panasonic (Eco Learning - EL) di bawah Sekolah Kanak-kanak Panasonic adalah program pembelajaran tentang alam sekitar peringkat global yang mensasarkan pelajar sekolah rendah dan menengah yang dimulakan oleh Panasonic untuk menyediakan pendidikan dan pembelajaran tentang alam sekitar melalui sesi bilik darjah, lawatan kilang dan projek-projek berkisar tentang alam sekitar.

Ini adalah tahun pertama program ini diperkenalkan sebagai projek perintis di 10 buah sekolah di Selangor. Seramai 1200 orang pelajar dari sekolah terlibat telah mengambil bahagian di dalam program ini dan 200 orang pelajar telah melawat ke kilang mesra alam (eco idea factory) di Shah Alam.

Tentang Program Pembelajaran Alam Sekitar di Sekolah Kanak-kanak Panasonic (Panasonic Kids School Eco Learning Programme (EL))

Pembelajaran Alam Sekitar (EL) di bawah Sekolah Kanak-kanak Panasonic (Panasonic Kids School) bermula pada tahun 2009 di Jepun. Ia adalah program pembelajaran alam sekitar (eco learning) global yang mensasarkan pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh dunia. Program ini merupakan satu inisiatif Panasonic yang menyediakan pendidikan dan pembelajaran tentang alam sekitar melalui sesi bilik darjah, lawatan kilang dan projek-projek berasaskan alam sekitar.

EL kini telah berkembang ke banyak negara dan wilayah di seluruh dunia. Kira-kira 19,000 orang pelajar telah mengambil bahagian di Asia Pasifik termasuk di India, Vietnam, Thailand, Singapura dan Malaysia. Di peringkat global pula, seramai 200,000 orang pelajar telah mengambil bahagian.

Ia direka untuk membantu kanak-kanak belajar tentang cara melindungi alam sekitar dan kemampunan dalam cara yang menyeronokkan dan menghiburkan.

Di Malaysia, Panasonic bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk menggalakkan idea-idea mesra alam di sekolah atau di rumah; kefahaman dan pendedahan tentang isu-isu alam sekitar. Ia menggabungkan pendidikan alam sekitar melalui modul pembelajaran melalui pengalaman (experiential learning) di dalam kelas; aktiviti bersama di Kilang berasaskan 'idea eko' – Panasonic AVC Networks Malaysia; hasil karya mesra alam (EWA); diari gambar eko (EPD) dengan kemuncak pertandingan dan anugerah global yang menawarkan peluang kepada pelajar untuk belajar sambil melawat (study trips) dan integrasi dengan pelajar-pelajar antarabangsa.

Tentang Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah sebuah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran profesional, sistem perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut mengenai jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun dari www.pmpressroom.com

Perhubungan Media:

Azizah Wahid

Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Penjenamaan

Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobile: 019 217 2730

Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

###